



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **JKM SEDIAKAN PERKHIDMATAN KAUNSELING KEPADA PENDUDUK KUALA LANGAT SEMASA TEMPOH *SEMCO***

---

**KUALA LANGAT, 4 JUN** – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada hari ini telah mengadakan lawatan ke Daerah Kuala Langat bagi meninjau kawasan yang dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperkasakan/Pentadbiran (*Semi Enhanced Movement Control Order*) di Taman Langat Murni dan Taman Langat Utama, Bukit Changgang, Kuala Langat bermula 2 Jun 2020 hingga 16 Jun 2020 (2 minggu).

“Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan aduan dan sesi kaunseling kepada penduduk yang terjejas semasa tempoh *SEMCO* ini. JKM juga menyelaraskan sumbangan makanan dan keperluan harian daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Syarikat Swasta dan pihak-pihak yang berkenaan bersama dengan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat,” menurut YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Dalam lawatan ini juga, YB Menteri menyeru agar pihak NGO dan Syarikat-syarikat Swasta turut bersama-sama membantu menghulurkan bantuan kepada penduduk yang terjejas semasa tempoh pelaksanaan *SEMCO*.

Para penduduk terjejas juga diingatkan untuk menjaga keselamatan diri dengan mematuhi semua etika yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sepanjang tempoh *SEMCO* ini, kedai barangan keperluan harian di kawasan sekitar dibenarkan untuk beroperasi bagi membolehkan penduduk membeli bekalan keperluan. Namun begitu, JKM bersedia untuk menerima aduan dan menyelaraskan bantuan bagi penduduk dalam kawasan terlibat yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan makanan.

Disediakan oleh:

**Unit Perhubungan Awam**

Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6, No 55 Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 Putrajaya.  
03-83231773